

05/04/2001

Pelajar wajar bayar balik pinjaman: PM

Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan pelajar supaya membayar balik pinjaman bagi membolehkan orang lain, terutama generasi akan datang turut menikmati kemudahan yang disediakan kerajaan.

Perdana Menteri berkata, sebilangan pelajar cuma mementingkan diri dan tidak mahu membayar balik hutang konon kerana ia wang milik kerajaan.

"Kalau kita membuat pinjaman pun, kita perlu bayar balik. Ini satu masalah bila nak bayar balik hutang, ada kata ini (kerana) wang kerajaan. Bukan saja soal pembayaran balik itu penting tetapi ia melatih diri kita bahawa apa yang kita dapat daripada orang, perlu dikembalikan.

"Apabila sudah bekerja dan berjaya dalam hidup, mereka juga perlu membayar balik hutang mereka kepada masyarakat dan negara yang menyediakan segala kemudahan bagi membolehkan mereka mencapai kejayaan itu," katanya.

Beliau berucap pada jamuan tengah hari bagi meraikan kira-kira 200 pelajar cemerlang yang memperolehi sekurang-kurangnya 9A dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun lalu, di sini.

Majlis itu dianjurkan oleh Pejabat Timbalan Perdana Menteri. Pada majlis jamuan itu, Dr Mahathir duduk semeja dengan pelajar, manakala timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di meja berasingan.

Sembilan menteri Kabinet lain, iaitu Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Datuk Seri S Samy Vellu, Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Musa Mohamad, Datuk Amar Leo Moggie, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, Datuk Seri Ong Ka Ting, Datuk Shahrizat Abdul Jalil dan Datuk Azmi Khalid, turut bersama pelajar dengan setiap seorang diletakkan di satu meja.

Dr Mahathir berkata, suasana kondusif yang membolehkan mereka bersekolah sehingga meneruskan pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT) adalah kerana masyarakat.

"Kita harus selalu mengingati hutang kita kepada masyarakat. Apabila kita mengingati hutang kita kepada masyarakat, kita cuba bayar balik hutang itu kerana masyarakat yang memberi banyak kemudahan kepada kita.

"Ini juga akan membolehkan generasi akan datang menikmati apa yang kita kecapi sekarang," katanya.

Beliau berkata, dalam zaman berasaskan pengetahuan sekarang, pelajar perlu menumpukan usaha untuk mengikuti jurusan, seperti bidang teknikal dan teknologi tinggi.

Katanya, jika sebelum ini lulusan ijazah sarjana muda sastera atau ijazah sarjana berkaitan, dianggap layak memegang jawatan kanan dalam kerajaan, penekanannya kini berbeza.

"Pada zaman maklumat ini, kita perlukan teknologi yang ada kaitan dengan komputer. Dengan itu, kita boleh menyumbang kepada pembangunan negara dan bagi kemajuan diri," katanya.

Beliau berkata, pelajar tidak seharusnya terlalu mementingkan diri sendiri untuk berjaya dalam kehidupan bermasyarakat. Sikap yang mulia dan bertanggungjawab amat penting kerana tanpanya, pelajaran tinggi tidak bermakna.

Dr Mahathir berkata, pelajar juga perlu menghargai dan berusaha untuk terus membantu menjadikan Malaysia yang penduduknya pelbagai kaum terus aman, harmoni dan sejahtera.

"Kita hendaklah mengekalkan kestabilan dan kesejahteraan negara supaya generasi akan datang terus menikmatinya," katanya.

Beliau turut menasihatkan pelajar supaya berkhidmat di dalam negara

sendiri apabila menamatkan pengajian kerana tenaga mereka amat diperlukan untuk pembangunan.

"Jika kita sama-sama bekerja kuat menyumbang kepada pembangunnn negara, Malaysia boleh maju menjelang 2020," katanya.

Terdahulu, Abdullah dalam ucapannya berkata adalah menjadi harapan kerajaan supaya pelajar mencapai kejayaan dalam pendidikan dan membantu menjayakan perancangan pembangunan negara.

Katanya, negara memerlukan pekerja berpengetahuan bukan saja untuk menjadi pakar dalam bidang sains dan teknologi atau pengurus, malah sebagai pemimpin negara pada masa akan datang.

(END)